

<p>SENARAI PEMBERITAHUAN PRODUK – KEMALANGAN DIRI (Sila baca Senarai Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan Insurans Pemandu & Penumpang StarRider. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat-syarat am yang terdapat di dalam polisi).</p>	<p>Rujukan Kami : 01/01/2010 Nama Penawar Khidmat Kewangan : Uni.Asia General Insurance Bhd.</p> <p>Nama Produk : Insurans Pemandu & Penumpang StarRider</p> <p>Tarikh :</p>
--	---

1. Apakah yang dimaksudkan dengan produk ini?

Produk ini menawarkan pampasan ke atas sebarang kecederaan diri secara langsung disebabkan oleh kecederaan luaran yang tidak disengajakan serta boleh dilihat dan ianya menjadi penyebab utama dan secara langsung kematian atau kecacatan kepada pemandu dan atau penumpang-penumpang yang memandu atau yang menaiki kenderaan sebagai penumpang ketika menaiki atau turun daripada kenderaan.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang ditawarkan?

Polisi ini menawarkan perlindungan ke atas:

- a) Kematian atau Kekacatan Kekal;
- b) Perbelanjaan Perubatan;
- c) Bayaran Ambulans;
- d) Manfaat Pembedahan Pembetulan Kosmetik atau Pergigian;
- e) Perbelanjaan Pengebumian;
- f) Indemniti Berganda.

Tempoh perlindungan adalah selama satu tahun. Anda perlu memperbaharui pelan insurans tersebut setiap tahun.

3. Berapakah bayaran premium yang perlu saya bayar?

Kami menawarkan tiga pelan untuk pilihan anda dan bayaran premium adalah seperti yang disenaraikan di bawah:

Kapaciti Tempat Duduk (Termasuk Pemandu)	Jumlah yang Diinsuranskan		
	RM20,000	RM40,000	RM60,000
	Bayaran Premium Tahunan		
4	60	100	150
5	70	120	180
6	80	140	210
7	88	158	238
8	96	176	265
Setiap tambahan tempat duduk	8	16	24

Nota : Pemandu mestilah berumur 18 tahun ke atas.

Penumpang yang berumur 15 tahun ke bawah berhak mendapat sehingga 50% daripada semua faedah yang diperuntukkan.

Walau bagaimanapun, sila ambil perhatian bahawa jumlah bayaran premium yang perlu anda bayar mungkin berubah bergantung kepada syarat-syarat pengunderaitan syarikat kami.

4. Berapakah bayaran dan caj-caj yang perlu saya bayar?

Bayaran dan caj-caj yang perlu anda bayar ialah:

Jenis	Jumlah
Komisen yang dibayar kepada agen insurans	25 peratus daripada jumlah premium
Duti Setem	RM10.00

5. Apakah terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian?

Terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian ialah:

- a) **Tanggungjawab untuk memberitahu** – Anda perlu memberitahu semua fakta dan maklumat seperti pekerjaan anda serta maklumat peribadi anda, yang akan mempengaruhi profil risiko anda.
- b) **Perlindungan adalah hanya untuk kerugian akibat kemalangan** seperti yang tertera di dalam polisi.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak memberi perlindungan ke atas:

- a) Risiko Peperangan;
- b) Bunuh Diri dan Hilang Akal;
- c) Kecederaan yang Disengajakan;
- d) AIDS atau sebarang penyakit yang berkaitan atau menjalani ujian darah berkaitan dengan HIV / AIDS;
- e) Pembunuhan yang disebabkan oleh kemarahan atau serangan;
- f) Aktiviti sukan yang berbahaya.

(Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada polisi untuk mendapatkan senarai penuh pengecualian bagi polisi tersebut.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya dan bagaimanakah caranya?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan satu notis bertulis kepada syarikat kami. Selepas pembatalan dilakukan, anda layak menerima bayaran balik jumlah premium berdasarkan tempoh insurans yang belum luput.

8. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat surat-menyurat saya?

Adalah penting untuk anda memberitahu kami tentang sebarang perubahan pada profil kehidupan, termasuk pekerjaan serta maklumat peribadi yang akan mempengaruhi profil risiko.

9. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat lanjut, sila rujuk kepada naskhah *insuranceinfo* berkaitan 'Insurans Kemalangan', yang terdapat di semua pejabat cawangan kami. Anda juga boleh mendapatkan salinan naskhah daripada agen insurans atau layari laman web *insuranceinfo* di www.insuranceinfo.com.my.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Uni.Asia General Insurance Berhad
Tingkat 9, Menara Uni.Asia,
1008, Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur.
Talian Bebas Tol: 1-800-888-990
Tel : 03-2693 8111
Faks: 03-2693 0111
www.uniasiageneral.com.my

10. Pilihan Perlindungan Kemalangan Diri Lain Yang Ditawarkan.

Pilihan perlindungan kemalangan diri lain yang ditawarkan adalah seperti berikut:

- Pelan Kemalangan Diri FlexiCare.
- Pelan Kemalangan Diri SmartCover.
- Pelan Insurans Rakan Pemandu Kenderaan.
- Pelan Insurans Rakan Pemandu Kenderaan 2.

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMAHAMI TENTANG SKALA MANFAAT UNTUK KEMATIAN DAN KECAACATAN BAGI POLISI INSURANS ANDA. ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENCALONKAN PENAMA SERTA MEMASTIKAN BAHAWA PENAMA ANDA MENGETAHUI TENTANG POLISI KEMALANGAN DIRI YANG TELAH DIBELI. ANDA DINASIHATKAN MEMBACA SERTA MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN AGEN ANDA ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diberikan di dalam senarai pemberitahuan ini adalah sah bermula Januari 2010.